

KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 13 TAHUN 2005

PELAKSANAAN LIMA HARI BEKERJA SEMINGGU

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan Kerajaan mengenai Lima Hari Bekerja Seminggu bagi perkhidmatan awam.

LATAR BELAKANG

2. Pelaksanaan Lima Hari Bekerja Seminggu dapat memantapkan produktiviti dan penyampaian perkhidmatan serta menggalakkan budaya pembelajaran berterusan dan pembangunan diri sepanjang hayat. Pelaksanaannya juga dapat memberi peluang kepada pegawai untuk meluangkan lebih masa bersama keluarga selain menggalakkan industri pelancongan negara serta dapat mengoptimumkan masa urusan di antara jabatan di peringkat persekutuan dan negeri.

PELAKSANAAN

3. Pelaksanaan Lima Hari Bekerja Seminggu adalah dengan menggantikan masa kerja pada hari Sabtu kepada hari bekerja yang lain.
4. Bagi negeri di mana hari Ahad merupakan Hari Rehat Mingguan, dengan pelaksanaan Lima Hari Bekerja Seminggu maka Hari Rehat Mingguan bagi negeri berkenaan adalah pada hari Sabtu dan hari Ahad. Manakala bagi negeri di mana hari Jumaat merupakan Hari Rehat Mingguan, dengan pelaksanaan Lima Hari Bekerja Seminggu, Hari Rehat Mingguan bagi negeri tersebut adalah pada hari Jumaat dan Sabtu.
5. Bagi pejabat di negeri-negeri di mana hari Sabtu dan Ahad adalah Hari Rehat Mingguan, pelaksanaan Waktu Bekerja Pejabat untuk Lima Hari Bekerja Seminggu adalah seperti di **Jadual 1** hingga **Jadual 4** berikut:

Jadual 1: Waktu Bekerja Pejabat di Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Pulau Pinang dan Selangor

Hari	Waktu Bekerja	Waktu Rehat	Waktu Bekerja
Isnin - Khamis	8.00 pg - 1.00 ptg	1.00 ptg - 2.00 ptg	2.00 ptg - 5.00 ptg
Jumaat	8.00 pg - 12.15 tgh	12.15 tgh - 2.45 ptg	2.45 ptg - 5.00 ptg

Jadual 2: Waktu Bekerja Pejabat di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan

Hari	Waktu Bekerja	Waktu Rehat	Waktu Bekerja
Isnin - Khamis	8.00 pg - 1.00 ptg	1.00 ptg - 2.00 ptg	2.00 ptg - 5.00 ptg
Jumaat	8.00 pg - 11.30 pg	11.30 pg - 2.00 ptg	2.00 ptg - 5.00 ptg

Jadual 3: Waktu Bekerja Pejabat di Sarawak

Hari	Waktu Bekerja	Waktu Rehat	Waktu Bekerja
Isnin - Khamis	8.00 pg - 1.00 ptg	1.00 ptg - 2.00 ptg	2.00 ptg - 5.00 ptg
Jumaat	8.00 pg - 11.45 pg	11.45 pg - 2.15 ptg	2.15 ptg - 5.00 ptg

Jadual 4: Waktu Bekerja Berperingkat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya

Waktu Peringkat (WP)	Hari	Waktu Bekerja	Waktu Rehat	Waktu Bekerja
WP 1	Isnin - Khamis	7.30 pg - 1.00 ptg	1.00 ptg - 2.00 ptg	2.00 ptg - 4.30 ptg
	Jumaat	7.30 pg - 12.15 tgh	12.15 tgh - 2.45 ptg	2.45 ptg - 4.30 ptg
WP 2	Isnin - Khamis	8.00 pg - 1.00 ptg	1.00 ptg - 2.00 ptg	2.00 ptg - 5.00 ptg
	Jumaat	8.00 pg - 12.15 tgh	12.15 tgh - 2.45 ptg	2.45 ptg - 5.00 ptg
WP 3	Isnin - Khamis	8.30 pg - 1.00 ptg	1.00 ptg - 2.00 ptg	2.00 ptg - 5.30 ptg
	Jumaat	8.30 pg - 12.15 tgh	12.15 tgh - 2.45 ptg	2.45 ptg - 5.30 ptg

6. Bagi pejabat di Kedah, Kelantan dan Terengganu di mana hari Jumaat dan Sabtu merupakan Hari Rehat Mingguan, pelaksanaan Waktu Bekerja Pejabat untuk Lima Hari Bekerja Seminggu adalah seperti di **Jadual 5**:

Jadual 5: Waktu Bekerja Pejabat di Kedah, Kelantan dan Terengganu

Hari	Waktu Bekerja	Waktu Rehat	Waktu Bekerja
Ahad - Rabu	8.00 pg - 1.00 ptg	1.00 ptg - 2.00 ptg	2.00 ptg - 4.45 ptg
Khamis	8.00 pg - 1.00 ptg	1.00 ptg - 2.00 ptg	2.00 ptg - 4.30 ptg

7. Bagi perkhidmatan kaunter yang perlu dibuka secara berterusan dalam Waktu Bekerja Pejabat, Ketua Jabatan boleh membuat penyesuaian kepada Waktu Rehat pegawai dengan syarat Waktu Bekerja diganti sepenuhnya.

8. Bagi perkhidmatan kaunter yang perlu dibuka pada hari Sabtu, Ketua Jabatan hendaklah memastikan perkhidmatan kaunter dibuka pada hari tersebut mengikut Waktu Bekerja Pejabat dengan pegawai bertugas secara bergilir-gilir. Ini adalah untuk memberi kemudahan kepada pelanggan membayar bil, memperbaharui lesen atau mendapatkan perkhidmatan-perkhidmatan tertentu yang lain.

9. Pelaksanaan Lima Hari Bekerja Seminggu hanya terpakai kepada pegawai yang bekerja mengikut Waktu Bekerja Pejabat. Bagi pegawai yang bekerja mengikut syif, Ketua Jabatan boleh menimbangankan kemudahan seumpama ini dengan membuat penyesuaian waktu bekerja selaras dengan keperluan perkhidmatan dan jabatan masing-masing.

TARIKH KUAT KUASA

10. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuasa mulai **1 Julai 2005**.


PEMAKAIAN

11. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

PEMBATALAN

12. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2000 adalah dibatalkan.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”



(DATO' ISMAIL BIN ADAM)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

16 Jun 2005

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y. B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan